



Murid **membaca** dan **menulis** idea keseluruhan teks.



Membaca

Lampu Kecemasan

Makmal komputer sekolah Imran baru sahaja dilengkapi dengan lampu kecemasan. Lampu kecemasan ini diletakkan di bahagian atas pintu keluar dan pada bahagian siling bangunan.

Lampu kecemasan ini berfungsi secara **automatik**. Apabila bekalan elektrik terputus, lampu ini akan menyala. Sebaliknya, apabila bekalan elektrik kembali pulih, lampu ini akan terpadam. Lampu kecemasan ini berfungsi untuk menerangi makmal komputer buat sementara.

Lampu kecemasan **memberikan pelbagai kebaikan kepada murid-murid**. Lampu ini memudahkan murid-murid dan guru keluar menyelamatkan diri dengan cepatnya pada waktu kecemasan. Alat ini juga dapat mengelakkan suasana panik apabila bekalan elektrik terputus.

(Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)



Makmal komputer sekolah Imran baru sahaja dilengkapi dengan lampu kecemasan.



Lampu kecemasan ini berfungsi secara automatik.



Lampu kecemasan memberikan pelbagai kebaikan kepada murid-murid.



Idea keseluruhan teks adalah tentang  _____